

Erik Erikson

berbagai jangkamasa perkembangan. Keempat-empat pernyataan ini sebagai panduan untuk memahami kosnsp organisasi dan perkembangan personaliti Erikson. Dari sini, Erikson telah membahagikan jangka hayat kepada 8 peringkat yang juga dikenali sebagai “lapan peringkat umum manusia”. Erikson membuat hipotesis bahawa setiap peringkat psikososial adalah ditemani oleh krisis iaitu tanda pertukaran kehidupan individu yang wujud dari kematangan fisiologi dan permintaan sosial terhadap orang yang berada di peringkat tersebut. Setiap krisis psikososial mempunyai kedua komponen positif dan negatif. Sekiranya penyelesaian konflik adalah memuaskan, maka sebilangan besar komponen positif meresap dalam pembentukan ego dan perkembangan yang sihat masa kelak adalah dijamin. Sebaliknya jika konflik kekal atau tidak diselesaikan dengan memuaskan perkembangan ego dimusnah dan bilangan besar komponen negatif digabungkan dengan ego. Walaubagaimanapun ini tidak bermakna kejayaan dan kegagalan awal adalah kekal selamanya. Kualiti ego diperolehi pada setiap peringkat tidak lali kepada konflik dalaman yang baru atau perubahan keadaan yang penting adalah seseorang mesti dapat menyelesaikan setiap krisis supaya memaju ke peringkat perkembangan seterusnya dalam keadaan menyesuaikan dan matang.

Peringkat Perkembangan Konsep Kendiri Mengikut Pandangan Erikson

| Bil | Peringkat | Jangka Umur | Krisis psikososial | Nilai |
|-----|--------------------|-------------|----------------------------------|--------------|
| 1 | Sensori-oral | Lahir-1thn | Kepercayaan vs tidak percaya | harapan |
| 2 | Mussular anal | 1-3thn | Autonomi vs malu dan ragu-ragu | Daya fikiran |
| 3 | Lokomotor -genital | 3-6thn | Inisiatif vs bersalah | matlamat |
| 4 | latensi | 6-12thn | Industri vs inferioriti | kecekapan |
| 5 | Remaja | 12-19thn | Identiti ego vs keraguan peranan | Kesetiaan |
| 6 | Awal dewasa | 20-25thn | Intimasi vs isolasi | Kasih sayang |
| 7 | Pertengahan dewasa | 26-64 | Generativiti vs stagnation | Prihatin |
| 8 | Lewat dewasa | 65 | Ego integriti vs putus asas | Kearifan |